

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	29/4/2013

# Nik Aziz diminta bersara, beliau sudah tua

UM - 29/4/2013

PASIR MAS 28 April - Mursyidul Am Pas, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat diminta bersara dan menerima hakikat beliau sudah tua serta tidak mampu lagi mentadbir.

Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad berkata, Menteri Besar Kelantan itu sewajarnya memberi peluang kepada golongan muda untuk menggantikannya.

Menurutnya, keadaan Nik Abdul Aziz yang selalu uzur dan sering dimasukkan ke hospital membuktikan bahawa beliau tidak mampu lagi untuk menjalankan tugas selaku ketua kerajaan negeri.



NIK AZIZ

"Saya bersara pada usia 76 tahun untuk memberi peluang kepada golongan muda. Kita sudah tua bersaralah, Jangan sampai dah kena usung masih tak mahu berhenti dan hendak jadi Menteri Besar sampai bila-bila.

"Peganglah kepada kebenaran yang awak tidak mampu mentadbir lagi. Berilah peluang kepada orang lain, Barisan Nasional (BN) yang mahu mentadbir dengan lebih baik untuk rakyat negeri ini," katanya berucap pada Majlis Bersama Tun Dr. Mahathir Mohamad di Dataran Tok Him di sini hari ini.

Yang turut hadir, isteri beliau,



MAHATHIR Mohamad bersalaman dengan orang ramai di Dataran Tok Him Bunut Susu, Tendong di Pasir Mas, Kelantan, semalam.

Tun Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali, calon Bebas Parlimen Pasir Mas, Datuk Ibrahim Ali dan calon BN bagi Dewan Undangan Negeri (DUN) Tendong, Datuk Hanafi Mamat. Hampir 10,000 penduduk di kawasan ter-

sebut hadir pada majlis tersebut.

Dr. Mahathir berkata, terlalu banyak faktor untuk menolak Pas terutama Nik Abdul Aziz pada Pilihan Raya Umum Ke-13 ini.

"Semuanya pembohong, seorang

tok guru, ulama tidak seharusnya berbohong. Kita lihat sebelum ini dia kata sembahyang orang UMNO Allah tidak diterima, siapa dia untuk tentukan semua ini," katanya.

Selain itu, beliau berkata, Ibra-

him bukan seorang yang rasis kerana kelantangannya bercakap mengenai Melayu dan Islam.

"Di saat kita berada dalam keadaan lemah dan tidak ada siapa yang berani bercakap mengenai Melayu dan Islam, Ibrahim muncul mempertahankannya. Beliau bukan seorang yang rasis, beliau bercakap benda yang benar," katanya.

Sementara itu, bercakap kepada pemberita selepas majlis ramah mesra di rumah Timbalan Ketua UMNO Bahagian Pasir Mas, Che Johan Che Pa di sini, Dr. Mahathir menyifatkan Nik Abdul Aziz sebagai pembohong besar.

Menurutnya, Nik Abdul Aziz berbohong kepada seluruh umat Islam apa bila menyatakan Pas itu Islam dan Islam itu Pas.

"Pembohong besar, awak tak percaya? Dia (Nik Aziz) bohong Pas adalah Islam, Islam adalah Pas, sebab itu saya tanya kitab mana dia baca, dalam al-Quran tidak ada, ini menipu seluruh umat Islam.

"Kalau Pas itu Islam, Islam itu Pas bermakna orang Islam lain yang tak masuk Pas di seluruh dunia 1.6 bilion ini semua kafir, bukan saja UMNO kafir tetapi dia mengkafirkan seluruh umat Islam, dia berbohong.

"Bila ulama campur aduk agama dan politik macam kita letak barang busuk dengan barang baik, takkan barang busuk itu jadi baik, barang busuk menyebabkan barang baik jadi busuk, bila campur kena buat tafsiran halalkan perbuatan ini atau pembohongan," katanya.